

Manfaat tenaga percuma langkah jimat elektrik

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) lalu dianggap saat getir yang dilalui bukan saja di Malaysia, malah seluruh dunia.

Antara kesan boleh dilihat dan hangat dibincangkan adalah peningkatan penggunaan tenaga elektrik. Kadar penggunaan elektrik dikatakan meningkat antara 25 hingga 40 peratus. Ia disebabkan waktu kebanyakan orang berada di rumah lebih lama berbanding waktu biasa, selain hobi baharu dengan mencuba pelbagai menu setiap hari.

Pada waktu itu, sudah tentu pembelian barangan elektrik meningkat bagi memenuhi masa terluang.

Walaupun cabaran itu semua sudah berlalu, ini tidak bermakna penggunaan tenaga boleh dibazirkan sewenang-wenangnya. Sebaliknya, masyarakat perlu mengamalkan sikap berjimat

cermat dalam penggunaan tenaga, selain memanfaatkan tenaga diperoleh secara percuma seperti sinaran matahari.

Malaysia menerima sinaran matahari sepanjang tahun dengan waktu siang dan malam hampir sama panjangnya. Tenaga suria alternatif yang terbaik kerana bersih dan boleh digunakan secara terus.

Secara umum, ramai mengetahui tenaga suria boleh ditukarkan kepada tenaga elektrik, namun dalam keadaan tidak sedar, tenaga suria juga boleh ditukarkan kepada tenaga haba untuk pengeringan.

Kaedah pengeringan sering digunakan adalah menjemur secara terus di bawah sinaran matahari. Pada waktu siang, masyarakat boleh memanfaatkan tenaga dikurniakan tanpa caj ini untuk mengeringkan pakaian.

Amalan ini dapat membantu mengu-

rangkan kebergantungan kepada mesin pengering pakaian, terutama bagi penduduk bandar.

Pada waktu malam pula, ramai menggunakan pendingin hawa. Secara amnya, satu set pendingin hawa dipasang di rumah mempunyai dua unit, iaitu komponen peranti pemeteran dan penyejat.

Komponen pemeluwap dan pemampat pula pada unit dipasang bahagian luar rumah. Unit dalam akan menyejukkan rumah, manakala unit luar akan menghasilkan udara panas. Udara panas dihasilkan boleh mencapai suhu sekitar 40 darjah celsius hingga 45 darjah celsius.

Suhu ini sudah cukup untuk dijadikan pengering baju pada waktu malam dengan menyidal pakaian di hadapan unit terbabit.

Bagi perumahan jenis pangsapuri,

kawasan balkoni paling strategik dimanfaatkan menggunakan kaedah ini. Secara tidak langsung, tenaga haba dihasilkan pendingin hawa dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Usaha ini nampak kecil, tetapi mampu mengurangkan perbelanjaan bulanan kerana tidak perlu lagi mengeringkan baju di dobi layan diri, mahupun di bawah kipas pada waktu malam.

Dalam keadaan sekarang, masyarakat perlu merancang memanfaatkan apa saja sumber untuk berjimat cermat. Amalan sikap murni ini akan melahirkan masyarakat bijak berbelanja dan peka dengan pelbagai sumber boleh dimanfaatkan dalam kehidupan.

Idris Zulkifle,
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my